**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA**
**SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)**
**MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KEEMPAT**

| | | |
|---|---|---|
| **TARIKH** | **:** | **3 MEI 2017 (RABU)** |
| **MASA** | **:** | **9.00 PAGI** |
| **TEMPAT** | **:** | **BILIK WACANA PUTRA 3, ARAS 2, BANGUNAN PEJABAT TNCPI, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA** |
| **KEHADIRAN** | **:** | **LAMPIRAN A** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| **4.1** | **ALUAN PENGERUSI** | |
| | Pengerusi: | |
| | 4.1.1 mengalu-alukan kehadiran ahli ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Kali Keempat; | **Makluman** |
| | 4.1.2 memaklumkan Struktur Jawatankuasa ISMS terkini yang mengambilkira perluasan skop/entiti adalah sepertimana dinyatakan di **Lampiran B**; | **Makluman** |
| | 4.1.3 memaklumkan bahawa beliau selaku Timbalan Wakil Pengurusan ISMS juga merupakan Ahli Jawatankuasa Kualiti UPM yang dalam masa yang sama turut mewakili Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) bagi membentangkan pelaporan berkaitan pelaksanaan ISMS di UPM. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| **4.2** | **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KEDUA DAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KETIGA (KHAS)** | |
| | Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Kedua yang diadakan pada 16 Jun 2016 dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Ketiga (Khas) yang diadakan pada 16 Ogos 2016 disahkan tanpa sebarang pindaan. | **Makluman** |
| **4.3** | **PERKARA BERBANGKIT** | |
| | 4.3.1 Mesyuarat meneliti perkara-perkara berbangkit hasil Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Kedua dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Kali Ketiga (Khas) adalah seperti pada **Lampiran C.** | **Makluman** |
| | 4.3.2 Mesyuarat seterusnya mengambil perhatian terhadap perkara berikut, iaitu: | |
| | (a) **Minit 2.3 (b)** - meminta supaya semua peneraju ISMS mengambil perhatian terhadap kehadiran setiap kursus/bengkel/latihan ISMS yang dianjurkan oleh pihak Pusat Jaminan Kualiti (CQA) dan meminta wakil yang hadir mewakili peneraju dapat menyalurkan maklumat yang diperolehi semasa program kepada peneraju yang terlibat. | **Semua Peneraju ISMS** |
| | (b) **Minit 2.5** - mengambil maklum laporan pemeriksaan bangunan selamat diduduki dan laporan mitigasi (mitigation) untuk mengelak banjir di kawasan persekitaran Pusat Data bagi membolehkan Pusat Data beroperasi di lokasi sedia ada telah diperolehi daripada pihak Pejabat Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan juga Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset UPM. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (c) **Minit 3.2** – meminta supaya verifikasi terhadap bukti tindakan kawalan bagi proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah sesi kemasukan 2016/2017 dibuat bagi perkara-perkara berikut:<br><br>(i) surat lantikan kepada pelajar yang bertugas semasa hari pendaftaran;<br><br>(ii) penggunaan ID sementara oleh pelajar/ staf yang tidak mempunyai ID tetap untuk akses ke Sistem SMP; dan<br><br>(iii) pegawai yang mencetak dan mengesahkan senarai pelajar adalah pegawai yang sama (ID SMP yang sama). Melalui pelaksanaan Sistem e-daftar pada tahun 2017, peneraju boleh mencetak senarai pelajar dimana id pegawai yang telah diberi kebenaran untuk mencetak akan terpapar secara automatik pada setiap muka surat yang dicetak dan tidak perlu lagi ditandatangani pada setiap muka surat sepertimana perlaksanaan sebelum ini.<br><br>(iv) komputer yang terlibat dengan proses pendaftaran pelajar diselenggara dan simpan rekod selenggaraan. Untuk pelaksanaan tahun 2017, mesyuarat meminta supaya memo dikeluarkan kepada pihak iDEC untuk memastikan komputer yang terlibat diselenggara oleh Pegawai IT Zon/Fakulti.<br><br>(v) turut meminta supaya taklimat kesedaran kepada peneraju ISMS pada masa akan datang mengambilkira maklumat berkaitan penemuan audit dalaman dan audit badan pensijilan. | **Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang)** |
| **4.4** | **LAPORAN SKOP PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013**<br><br>Mesyuarat:<br><br>4.4.1 mengambil maklum skop pensijilan ISMS UPM sedia ada adalah seperti berikut: | <br><br><br><br>**Makluman** |

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN/<br>MAKLUMAN</th></tr>
<tr><td></td><td>(a) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat hanya melibatkan proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah semasa Minggu Perkasa Putra;<br><br>(b) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk Pengoperasian Pusat Data bagi proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah; dan<br><br>(c) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk Pengoperasian Pusat Pemulihan Bencana bagi proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>4.4.2 mengambil maklum cadangan skop pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) yang dikemukakan oleh setiap peneraju ISMS adalah seperti di Lampiran D.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>4.4.3 meneliti dan bersetuju dengan penetapan skop pensijilan yang akan digunapakai oleh peneraju ISMS termasuk perluasan skop/entiti adalah seperti berikut:
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Penyataan Skop</th><th>Pengecualian Skop</th><th>Peneraju</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat hanya melibatkan proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah UPM Kampus Serdang dan Kampus Bintulu</td><td>Pengecualian skop pensijilan ISMS proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah adalah kepada pendaftaran kursus, Meal Plan dan aktiviti kemasukan pendaftaran pelajar baharu prasiswazah untuk:<br>i. Pengajian Jarak Jauh;<br>ii. Program untuk Eksekutif; dan<br>iii. Antarabangsa</td><td>Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Kampus Bintulu)</td></tr>
</table></td><td>Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti/ Peneraju ISMS</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | | |

| Bil | Penyataan Skop | Pengecualian Skop | Peneraju |
|---|---|---|---|
| 2. | Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk Pengoperasian Pusat Data bagi proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah | Tiada | Pasukan Pusat Data |
| 3. | Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk Pengoperasian Pusat Pemulihan Bencana bagi proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah | Tiada | Pasukan Pusat Data |
| 4. | Proses Penilaian Pengajaran Pensyarah (Program Prasiswazah dan Siswazah)** | Tiada | Pasukan Penilaian Pengajaran |
| 5. | Proses Pengurusan Harta Intelek Universiti Putra Malaysia** | Pemfailan harta intelek menggunakan Sistem *IPonline* MyIPO (Perbadanan Harta Intelek Malaysia) | Pasukan Pengurusan Harta Intelek |
| Nota: ** Skop Pensijilan bagi dua peneraju baharu (item 4 dan 5) tidak akan dimasukkan ke dalam dokumentasi ISMS Tahun 2017 dan hanya akan dikemaskini ke dalam dokumentasi selepas mendapat pengesahan daripada pihak Pengurusan UPM/ Jawatankuasa Kualiti UPM. | | | |

4.4.4 mengambil maklum pelajar pra diploma di UPM Kampus Bintulu (UPMKB) tidak termasuk dalam definisi pelajar prasiswazah. Bagaimanapuan, jumlah pelajar pra diploma boleh diambilkira dalam statistik jumlah pelajar yang mendaftar semasa sesi pendaftaran Jun 2017 di UPMKB.

**Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Bintulu)**

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| **4.5** | **LAPORAN OBJEKTIF KESELAMATAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013** | |
| | Mesyuarat: | |
| | 4.5.1 mengambil maklum laporan cadangan objektif keselamatan maklumat oleh setiap peneraju ISMS adalah sepertimana di **Lampiran E**. | **Makluman** |
| | 4.5.2 meneliti dan bersetuju dengan penetapan objektif keselamatan bagi peneraju yang terlibat dengan skop pensijilan sediaada termasuk perluasan entiti ke UPM Kampus Bintulu adalah seperti berikut: | **Peneraju ISMS yang berkenaan** |

| Bil | Penyataan Objektif | Sasaran pencapaian |
|---|---|---|
| 1. | Memastikan pelajar prasiswazah yang mendaftar mengemukakan tawaran yang sah | 100% |
| 2. | Meningkatkan pembayaran yuran pengajian secara atas talian | 80% (UPM Serdang)<br>60% (UPM Bintulu) |
| 3. | Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan | ≤ 8 jam |
| 4. | Memastikan *Service Level Agreement* (SLA) 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester | 95% |

| | | |
|---|---|---|
| | 4.5.3 mengambil maklum dan bersetuju *Service Level Agreement* (SLA) bagi objektif keselamatan yang keempat hanya dikira bermula pada hari pendaftaran pelajar (tidak termasuk proses pra pendaftaran melalui Sistem e-daftar yang berlaku sebelum tarikh pendaftaran pelajar baharu prasiswazah). | **Peneraju Pusat Data** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | 4.5.4 bersetuju bahawa objektif 'Memastikan semakan penilaian risiko dan pelan pemulihan risiko dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun' digugurkan atas justifikasi objektif berkenaan merupakan keperluan yang telah digariskan dalam Standard MS ISO/IEC 27001:2013. | **Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti/ Peneraju Pusat Data** |
| | 4.5.5 bersetuju penyataan objektif bagi Peneraju Pasukan Penilaian Pengajaran dan Peneraju Pengurusan Harta Intelek akan diteliti semula selepas persetujuan diperolehi daripada pihak pengurusan atasan sebelum pelaksanaan kuatkuasa perluasan skop ISMS pada tahun 2018. | **Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti/ Peneraju ISMS yang berkenaan** |
| **4.6** | **LAPORAN DOKUMENTASI SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013**<br><br>Mesyuarat:<br><br>4.6.1 mengambil maklum laporan cadangan pindaan dokumen Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 yang dibentangkan oleh Setiausaha Jawatankuasa Kerja ISMS (bagi skop Pengurusan) dan Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen (TPKD) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (bagi skop Operasi Perkhidmatan Sokongan) adalah sepertimana pada **Lampiran F.** Sebanyak 18 dokumen dipinda dan 2 dokumen digugurkan. | <br><br><br><br>**Makluman** |
| | 4.6.2 meneliti dan bersetuju meluluskan 19 daripada 20 cadangan pindaan dokumen yang dikemukakan dengan beberapa penambahbaikan yang dicadangkan semasa mesyuarat dan akan dikuatkuasakan pada tarikh 26 Mei 2017. | **Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti/ Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen (TPKD) IDEC** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | 4.6.3 bersetuju cadangan pindaan dokumen bagi *Statement of Applicability* (SoA) ditangguhkan untuk memberi ruang bagi semakan yang lebih terperinci sebelum dibawa dan diluluskan semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS (Khas) yang dijadualkan pada 30 Mei 2017. | **Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti/ Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen (TPKD) IDEC** |
| **4.7** | **LAPORAN PENILAIAN RISIKO (RA) DAN PELAN PEMULIHAN RISIKO (RTP) SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013**<br>Mesyuarat: | |
| | 4.7.1 mengambil maklum terdapat sebanyak 784 aset telah dinilai dengan jumlah ancaman sebanyak 1250. Hasil penilaian mendapati tiada aset dikategorikan berisiko tinggi, 296 aset berisiko sederhana dan 954 aset berisiko rendah. Perincian mengenai rumusan pelaporan adalah seperti di **Lampiran G**. | **Makluman** |
| | 4.7.2 mengambil maklum aset dengan risiko sederhana masih dikategorikan berisiko dan perlu diambil tindakan pemulihan risiko. | **Makluman** |
| | 4.7.3 meminta setiap peneraju mengenalpasti kategori aset dengan tahap risiko sederhana bagi menentukan punca risiko berlaku dan seterusnya menentukan kaedah kawalan yang bersesuaian bagi risiko berkenaan. | **Peneraju ISMS yang berkenaan** |
| | 4.7.4 meminta setiap peneraju menentukan 'safeguard planning' untuk aset berisiko sederhana dan memilih beberapa 'safeguard planning' untuk dijadikan objektif ISMS untuk dibawa dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS akan datang. | **Peneraju ISMS yang berkenaan** |
| | 4.7.5 bersetuju meluluskan laporan penilaian risiko (semakan April 2017) sepertimana yang telah dibentang dengan beberapa penambahbaikan yang dicadangkan semasa mesyuarat. | **Penyelaras Penilaian Risiko ISMS/ Peneraju ISMS yang berkenaan** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| **4.8** | **LAPORAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 SETIAP PENERAJU ISMS** | |
| | 4.8.1 Mesyuarat meneliti laporan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat setiap peneraju ISMS berdasarkan data yang telah dilengkapkan dalam Dokumen *Road to ISMS* adalah sepertimana laporan yang dibentangkan semasa mesyuarat. | **Makluman** |
| | 4.8.2 Mesyuarat mengambil maklum Dokumen *Road to ISMS* merupakan dokumen kawalan ke atas pelaksanaan setiap peneraju ISMS dan bukannya merupakan rekod kualiti ISMS. | **Makluman** |
| | 4.8.3 Mesyuarat meminta mana-mana peneraju yang telah membuat pengemaskinian maklumat pada dokumen ini supaya menghantar dokumen yang terkini untuk rujukan dan simpanan pihak sekretariat. | **Peneraju ISMS yang berkenaan** |
| **4.9** | **HAL-HAL LAIN** | |
| | **4.9.1 Perancangan Soal Selidik Pihak Yang berkepentingan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/ IEC 27001:2013 Tahun 2017** | |
| | (a) Mesyuarat mengambil maklum pelaksanaan soal selidik pihak yang berkepentingan ISMS tahun 2017 akan dilaksanakan secara dua (2) kategori, iaitu: | **Makluman** |
| | (i) Soal selidik pendaftaran pelajar baharu prasiswazah oleh Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Serdang dan Bintulu) semasa sesi kemasukan Jun dan September 2017. Penilaian soal selidik ini akan diteruskan kepada pelajar baharu prasiswazah sehingga pihak berkepentingan yang bersesuaian dikenalpasti. Soalan bagi soal selidik akan disediakan oleh peneraju dan akan diserahkan kepada pihak iDEC untuk tujuan pembangunan soal selidik berkenaan secara atas talian; dan | **Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)** |
| | (ii) Soal selidik kepada PTJ yang menerima perkhidmatan Pusat Data di UPM oleh Peneraju Pusat Data semasa sesi kemasukan September | **Peneraju Pasukan Pusat Data** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | 2017. | |
| | (b) Mesyuarat meminta supaya kedua-dua peneraju membentangkan mengenai perancangan pelaksanaan soal selidik masing-masing dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti akan datang. | **Peneraju ISMS yang berkenaan** |
| | **4.9.2 Status Penutupan Penemuan Audit Dalaman ISMS 2016 (NCR/OFI)** | |
| | (a) Mesyuarat mengambil maklum kesemua 14 Laporan Ketakakuran (NCR) Audit Dalaman ISMS Tahun 2016 telah diambil tindakan oleh peneraju/PTJ yang terlibat dan telah ditutup manakala dua (2) NCR lagi telah digugurkan. | **Makluman** |
| | (b) Mesyuarat meminta Peneraju/PTJ yang belum mengambil tindakan ke atas Laporan Peluang Penambahbaikan (OFI) Audit Dalaman ISMS supaya mengambil tindakan segera sebelum pelaksanaan Audit Dalaman ISMS akan datang. | **Peneraju ISMS yang berkenaan** |
| | **4.9.3 Persediaan Audit Dalaman ISMS Tahun 2017** | |
| | (a) Mesyuarat mengambil maklum tarikh Audit Dalaman ISMS Tahun 2017 telah dijadualkan pada 6 hingga 8 Jun 2017 melibatkan semua peneraju/entiti sokongan lain yang terlibat dengan pelaksanaan ISMS di UPM. | **Makluman** |
| | (b) Mesyuarat meminta supaya UPM Kampus Bintulu (UPMKB) turut diaudit pada 5 Jun 2017 memandangkan tarikh berkenaan bersamaan dengan hari pendaftaran Pelajar Baharu Diploma di UPMKB. Mesyuarat meminta pertimbangan Pusat Jaminan Kualiti untuk menghantar seorang Juruaudit Dalaman ISMS yang terlatih untuk melaksanakan pemerhatian dan audit proses di UPMKB. | **Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti** |
| | **4.9.4 Status Permohonan Penangguhan Perluasan Skop Pengurusan Harta Intelek** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum status permohonan penangguhan perluasan skop Pengurusan Harta Intelek hanya akan diketahui selepas sesi perbincangan diadakan | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | dengan pihak YBhg. Datin Paduka Naib Canselor UPM.<br><br>**4.9.5 Makluman Tarikh Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang dan Kampus Bintulu Sesi Kemasukan 2017/2018**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum tarikh pendaftaran pelajar baharu prasiswazah di UPM Kampus Serdang dan Kampus Bintulu adalah pada 6 September 2017. | **Makluman** |
| **4.10** | **PENANGGUHAN MESYUARAT**<br><br>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.40 tengahari dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi. | |

**LAMPIRAN A**

---

**SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA**
**SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)**
**MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KEEMPAT**

---

**HADIR**

1. Encik Mohd Faizal Daud **- Pengerusi**
2. Encik Rosmi Othman (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
3. Encik Noor Mohamad Shakil Hameed
   (Pemangku Peneraju, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah – Kampus Serdang)
4. Encik Shahril Iskandar Amir
   (Peneraju, Pasukan Pusat Data - Jawatankuasa Kerja ISMS)
5. Dr. Aryaty Alwie
   (Peneraju, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah – Kampus Bintulu) – *melalui Video Konferen*
6. Encik Shahriman Hashim
   (Peneraju, Pasukan Pendaftaran Harta Intelek)
7. Puan Yasminani Mohamad
   (Peneraju, Pasukan Penilaian Pengajaran)
8. Puan Nurul Fatihah Md Marham (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS)
9. Puan Shamriza Shari **- Setiausaha**

**TURUT HADIR**

1. Puan Noorizai Haji Mohamad Noor (Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan, CQA)
2. Puan Suhana Md Chairi (Wakil Tuan Haji Rosdi Wah)
3. Encik Sudirman Asmadi - *melalui Video Konferen*
4. Encik Hafiz Abd Jalil

**TIDAK HADIR DENGAN KENYATAAN**

1. Tuan Haji Rosdi Wah (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
2. Puan Hashimah Amat Sejani (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS)

**LAMPIRAN B**

## STRUKTUR JAWATANKUASA KERJA
## SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013

**PENGERUSI**
**Jawatankuasa Kerja ISMS**
**(TWP ISMS)**

*Encik Mohd Faizal Daud*

**PENASIHAT**

***En. Rosmi Othman***
Timbalan Pengarah
Pengurusan Strategik &
Sokongan Pengguna

***Tuan Haji Rosdi Wah***
Ketua Pentadbiran
Akademik dan
Antarabangsa

**SEKRETARIAT**
**(Ketua Seksyen**
**Dokumentasi)**

*Puan Shamriza Shari*

**PENYELARAS PENILAIAN**
**RISIKO ISMS**

*Puan Hashimah Amat Sejani*

*Puan Nurul Fatihah Md.*
*Marham*

**PASUKAN PUSAT DATA**
**(Ketua Seksyen Pusat**
**Data)**

*Encik Shahril Iskandar*
*Amir*

**PASUKAN**
**PENDAFTARAN PELAJAR**
**BAHARU PRASISWAZAH**
**KAMPUS SERDANG**
**(Ketua Pentadbiran**
**TNC HEPA)**

**PASUKAN**
**PENDAFTARAN PELAJAR**
**BAHARU PRASISWAZAH**
**KAMPUS BINTULU**
**[Timbalan Dekan**
**(Hal Ehwal Pelajar)]**

*Dr. Aryaty Alwie*

**PASUKAN PENILAIAN**
**PENGAJARAN**
**(Ketua Bahagian**
**Pembangunan Pegawai**
**Akademik)**

*Puan Yasminani Mohamad*

**PASUKAN PENGURUSAN**
**HARTA INTELEK**
**(Ketua Pentadbiran**
**Pejabat TNC PI)**

*Encik Shahriman Hashim*

**LAMPIRAN C**

# TINDAKAN SUSULAN BAGI PERKARA BERBANGKIT
# MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS), KALI KEDUA PADA 16 JUN 2016

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS PELAKSANAAN TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| **1.** | **2.1** | **ALUAN PENGERUSI**<br><br>2.1.2 mencadangkan supaya Encik Hashim Md Shari dilantik sebagai Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS yang baharu. Mesyuarat dimaklumkan 2 orang Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS sediaada adalah Tuan Haji Rosdi Wah dan Encik Rosmi Othman; | **Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti** | Tindakan telah dilaksanakan. |
| **2.** | **2.3** | **PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**<br><br>2.3.2 Mesyuarat seterusnya mengambil perhatian terhadap perkara berikut, iaitu:<br><br>a) **<u>Minit 1.2.2 (ii)</u>** - meminta supaya Pengukuran Objektif ISMS dibuat dengan merujuk kepada Garis Panduan Pemantauan Pengukuran Analisis & Penilaian (UPM/ISMS/OPR/DC/GP07/SECURITY/ METRICS) yang telah dikuatkuasakan pada 16 November 2015. | **Peneraju ISMS Berkenaan** | Telah dilaksanakan. Pelaporan Pengukuran Objektif ISMS telah dibuat dengan merujuk kepada Garis Panduan Pemantauan Pengukuran Analisis & Penilaian (UPM/ISMS/OPR/DC/GP07/SECURITY/METRICS). |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS PELAKSANAAN TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| **3.** | **2.3** | b) **<u>Minit 1.3.2.3</u>** - mengambil maklum status pelaksanaan tiga (3) latihan ISMS yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Latihan Universiti Putra Malaysia (JKLU) Kali Ke-11 adalah seperti berikut: | | |
| | | ii) Kursus Audit Dalaman Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang dirancang pada 6 hingga 7 April 2016 akan dijadualkan semula sekitar bulan Ogos 2016 dengan sasaran peserta iaitu pegawai yang berpotensi untuk dilantik sebagai Juruaudit Dalaman ISMS, wakil PTJ yang terlibat dengan proses ISMS dan juga peneraju proses ISMS. | **Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti** | Kursus Audit Dalaman ISMS telah dilaksanakan pada 21-22 Februari 2017. |
| | | iii) Kursus Perluasan Skop Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang dijadual pada 25 hingga 26 Oktober 2016 perlu melibatkan Peneraju Sediaada iaitu Peneraju Skop Pendaftaran Pelajar Baharu serta Peneraju Baharu yang terlibat dengan aktiviti perluasan skop dan entiti iaitu Pusat Pembangunan Akademik, *Putra Science Park* dan Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu. | **Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti** | Kursus telah digantikan dengan Bengkel Perluasan Skop MS ISO/IEC 27001:2013 kepada Peneraju Baharu dan Peneraju Sediaada yang telah dijalankan pada 23 November 2016. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS PELAKSANAAN TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| **4.** | **2.4** | **LAPORAN PENILAIAN RISIKO SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 (SEMAKAN JUN 2016)** | | |
| | | 2.4.3 Mesyuarat meneliti dan bersetuju meluluskan laporan penilaian risiko (semakan Jun 2016) sepertimana yang telah dibentang dengan beberapa penambahbaikan yang dicadangkan semasa mesyuarat. | **Jawatankuasa Penilaian Risiko/ Peneraju Proses ISMS** | Tindakan telah dilaksanakan. |
| | | 2.4.4 Mesyuarat meminta satu mesyuarat khas diadakan 2 minggu sebelum tarikh audit pihak ketiga bagi meluluskan semula laporan penilaian risiko mengambilkira beberapa perubahan yang berlaku dalam proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah (pendaftaran mengikut zon) serta pengemaskinian maklumat terkini daripada setiap peneraju proses. | **Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti/ Jawatankuasa Penilaian Risiko/ Peneraju Proses ISMS** | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS Kali Ketiga (Khas) telah diadakan pada 16 Ogos 2016 dan meluluskan laporan penilaian risiko yang terkini. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS PELAKSANAAN TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| **5.** | **2.5** | **LAPORAN PELAN PEMULIHAN RISIKO SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013**<br><br>2.5.2 Mesyuarat meminta supaya laporan pelan pemulihan risiko bagi aset yang berisiko tinggi yang melibatkan projek sistem sokongan (Pusat Data) dikemaskini dengan memasukkan maklumat kawalan melalui pemeriksaan bangunan selamat diduduki dan melaksanakan mitigasi (mitigation) untuk mengelak banjir di kawasan persekitaran Pusat Data bagi membolehkan Pusat Data beroperasi di lokasi sedia ada manakala bagi projek pembayaran yuran pelajar baharu prasiswazah dengan menambah kawalan pemulihan risiko melalui kaedah Kempen 'Jom Pay'. | <br><br><br>**Jawatankuasa Penilaian Risiko/ Peneraju Terlibat** | <br><br><br>Maklumat Kawalan telah dikemaskini dalam Sistem MyRAM. |
| **6.** | **2.6** | **LAPORAN *STATEMENT OF APPLICABILITY* (SOA)**<br><br>2.6.3 Mesyuarat bersetuju meluluskan cadangan perubahan *Statement of Applicability (SoA)* untuk dikuatkuasakan pada 1 Julai 2016. | <br><br>**Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti/ Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen iDEC** | <br><br>Dokumen terkini SoA telah dikuatkuasa pada 1 Julai 2016. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS PELAKSANAAN TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| **7.** | **2.7** | **OBJEKTIF KESELAMATAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 TAHUN 2016** | | |
| | | 2.7.2 turut mengambil maklum 2 objektif keselamatan ISMS telah mencapai sasaran yang ditetapkan manakala 3 lagi objektif hanya dapat diukur pada sesi kemasukan 2016/2017. | **Peneraju HEPA/Kolej/ BKU** | Tindakan telah dilaksanakan. Pengukuran 3 lagi objektif ISMS telah dibuat dan kesemuanya mencapai sasaran yang telah ditetapkan. |
| | | 2.7.3 mencadangkan supaya perkataan 'setiap semester' digugurkan daripada penyataan objektif 'Memastikan 95% sokongan ICT (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester' dan dikemaskini dalam Manual ISMS. | **Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti/ Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen iDEC** | Cadangan perubahan objektif ISMS setiap peneraju akan dibawa dan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS Kali Keempat. |
| **8.** | **2.8** | **<u>CADANGAN PINDAAN DOKUMEN (CPD)</u>** | | |
| | | 2.8.2 meneliti dan bersetuju meluluskan kesemua 59 cadangan pindaan dokumen yang dikemukakan dengan beberapa penambahbaikan yang dicadangkan semasa mesyuarat dan akan dikuatkuasakan pada tarikh 01 Julai 2016. | **Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti/ Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen (TPKD) iDEC** | Kesemua dokumen telah dikuatkuasakan pada 1 Julai 2016. |
| | | 2.8.3 meminta Peneraju Pasukan Pusat Data mengadakan taklimat kesedaran kepada semua ahli pasukan bagi memastikan maklumat perubahan dokumen dapat disampaikan dengan berkesan kepada pegawai yang terlibat. | **Peneraju Pasukan Pusat Data** | Telah dilaksanakan. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS PELAKSANAAN TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| 9. | 2.9 | **LAPORAN PELAKSANAAN ISMS SETIAP PASUKAN**<br><br>**2.9.2 Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah**<br>Mesyuarat meminta supaya laporan pelaksanaan ISMS oleh pasukan pendaftaran pelajar baharu prasiswazah dibentangkan dalam mesyuarat akan datang mengambilkira perubahan yang berlaku dalam proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah di UPM. | **Peneraju Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah** | Telah dilaksanakan. Pelaporan dibincangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS Kali Ketiga (Khas). |
| 10. | 2.10 | **HAL- HAL LAIN**<br><br>**2.10.2 Perancangan Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah**<br><br>c) Mesyuarat bersetuju supaya Peneraju Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah diberi tanggungjawab untuk menyelaras pelaksanaan soal selidik ini dengan bantuan pihak Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) untuk penyediaan aplikasi bagi kajian ini. | **Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Bahagian Hal Ehwal Pelajar)** | Telah dilaksanakan. Soal selidik secara atas talian telah dilaksanakan semasa Hari Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Sesi Kemasukan 2016/2017. |
| | | d) Mesyuarat bersetuju setiap kolej kediaman menyediakan 1 kaunter khas bagi menempatkan 1 unit komputer yang akan dibekalkan oleh pihak iDEC untuk pelajar menjawab soal selidik secara atas talian. | **Bahagian Hal Ehwal Pelajar/Kolej Kediaman** | Telah dilaksanakan. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS PELAKSANAAN TINDAKAN |
